

23 JUN 2001

Mahathir-Nanyang

DR MAHATHIR BERI AMARAN KERAS CUBAAN LIBAT NAMANYA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran keras terhadap cubaan untuk mengheret namanya dalam kontroversi pembelian akhbar harian Cina Nanyang Siang Pau dan China Press oleh sayap pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn Bhd.

Beliau mendedahkan bahawa cubaan untuk mengheret namanya itu dalam kontroversi pembelian akhbar berkenaan bertujuan mengapi-apikan perasaan benci orang Cina terhadap beliau dan kerajaan.

"Saya bukan hendak berkempen bagi Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Presiden MCA), tapi amat kecewa dengan cubaan hendak mengheret nama saya dengan kontroversi Nanyang ini. Mereka cuba mengapi-apikan perasaan orang Cina supaya membenci kerajaan," katanya dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata kononnya pembelian oleh MCA itu adalah arahnya dan supaya orang Cina yang marah terhadap parti itu, akan turut marah terhadapnya serta kerajaan.

Katanya usaha melibatkan namanya dalam pembelian itu juga bertujuan untuk mengalihkan sokongan orang Cina kepada parti pembangkang, DAP pimpinan Lim Kit Siang.

Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah menyuruh MCA membeli akhbar Nanyang dan China Press tetapi berpendapat tidak ada salahnya jika kedua-dua akhbar itu dimiliki oleh parti politik Cina.

"Kalau kita (Umno) boleh membeli akhbar Melayu kenapa MCA tidak boleh?" tanya beliau yang merujuk kepada akhbar Utusan Malaysia yang dimiliki secara tidak langsung oleh sayap pelaburan Umno.

Katanya adalah tidak adil jika Utusan dikawal supaya tidak keterlaluan di dalam memainkan isu-isu perkauman tetapi akhbar-akhbar Cina dibiarkan membangkitkan perasaan kebencian terhadap orang Melayu.

"Kita tidak boleh ada satu kaum yang bebas untuk melemparkan bermacam-macam fitnah dan tuduhan memburukkan kerajaan dan satu kaum yang lain mesti ditarik tali ras (tali kawal kuda) supaya jangan bergerak," kata beliau.

Penulis-penulis akhbar Cina ini katanya, mendakwa mereka bebas tetapi tidak pernah menyokong kerajaan dan pandangan yang ditimbulkan di dalam akhbar Nanyang dan China Press kerap anti-kerajaan.

Dr Mahathir berkata kontroversi terhadap pembelian kedua-dua akhbar Cina itu mungkin kerana mereka tidak mahu orang lain mengetahui mengenai apa yang ditulis di dalamnya.

"Apakah dia ada benda-benda yang kita tidak tahu, kerana kita tidak tahu Bahasa Cina. Kita tak boleh kata banyak dalam Utusan sebab dia tahu, apa yang dia tulis dalam Nanyang dan China Press kita tidak tahu," katanya.

Beliau berkata akhbar Nanyang dan China Press sejak pilihan raya kecil di Lunas, Kedah pada tahun lepas telah membangkitkan perasaan benci orang Cina terhadap kerajaan.

Pada pilihan raya itu Barisan Nasional (BN) yang merupakan penyandang kerusi itu kalah kepada pembangkang.

Dr Mahathir berkata kenyatannya juga diputar-belitkan oleh akhbar Cina itu apabila Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menuntut supaya hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan.

"Ucapan saya kata tuntutan mereka (Suqiu) adalah sama dengan komunis. Mereka dengan serta-merta mendakwa saya menganggap semua orang Cina sebagai

komunis, mereka mengapi-apikan perasaan orang Cina supaya tentang kerajaan dan membenci kerajaan," katanya.

Akhbar-akhbar Cina terutamanya Nanyang dan China Press, katanya, juga menulis supaya orang Cina membenci beliau dan BN dengan harapan sokongan masyarakat itu akan kembali kepada DAP.

Ini kerana parti pembangkang Lim Kit Siang itu menerima kekalahan yang teruk dan kehilangan undi masyarakat Cina pada pilihan raya umum 1999.

Akibat tegurannya itu, Perdana Menteri berkata beliau telah ditafsirkan sebagai membenci orang Cina secara keseluruhannya.

"Saya ada banyak kawan Cina, menantu saya pun Cina. Saya bukan anti-Cina tetapi saya mahukan keadilan bagi orang Melayu, bagi semua rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga berhadapan dengan situasi yang sama dengan akhbar-akhbar Cina berikutan pemindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Puay Chai, Damansara dan cadangan penubuhan konsep Sekolah Wawasan.

Katanya dalam kontroversi pemindahan sekolah itu, kerajaan telah dihentam kerana memindahkan sekolah itu walaupun majoriti murid dan ibu bapa mereka sememangnya mahukan pemindahan itu.

Beliau berkata cadangan penubuhan Sekolah Wawasan itu juga perlu untuk membolehkan anak-anak Cina dapat berdamping dan belajar bersama-sama anak Melayu serta India bagi memupuk perpaduan.

"Sekarang tumbuh bandar baru yang tidak ada sekerat pun orang Melayu. Kalau ada hanya Sekolah Cina di sekolah baru. Maka anak Cina tidak lagi akan berdamping dengan anak Melayu dan India. Ini tidak baik kepada perpaduan kaum dalam negara kita," katanya.

Akhbar-akhbar Nanyang dan China Press juga telah membesar-besarkan isu ini, kata Perdana Menteri.

Malaysia katanya, merupakan negara paling liberal kerana ia satu-satunya negara di dunia berpenduduk Cina yang membenarkan sekolah Cina diberi pembiayaan kerajaan jika dibandingkan dengan beberapa negara lain.

-- BERNAMA

MHI ZS RON